

## Peristiwa-peristiwa.....

Di dalam Qalam keluaran yang lalu telah diterangkan bahawa sahabat-sahabat Nabi (S.A.W) tidak senang atas Rasulullah mengemukakan syarat yang kelima di dalam Perjanjian Hudaibiyah iaitu kalau ada orang-orang Islam dari Mekah apabila datang kepada Rasul dengan tidak ada izin walinya — mestilah dipulangkan kepada mereka.

Ketika Rasulullah (S.A.W) menyuruh tulis perjanjian yang mengatakan “Kalau ada orang Islam datang ke Mekah tidak dikembalikan mereka, dan kalau ada orang Mekah yang datang kepada Nabi Muhammad, wajib dikembalikan jika tidak ada izin walinya” — kaum Muslimin tidak tahan lagi hatinya kerana merasa kepincangan itu. Mereka lalu bertanya:

“Tuan tuliskan ini, ya Rasulullah?”

“Ya” — sahut Nabi dengan seterusnya berkata — “Sesiapa yang pergi daripada kita kepada mereka biarlah dia dijauhkan Allah; dan sesiapa yang datang kepada kita dari golongan mereka mudah-mudahan dijadikan Allah kepadanya kesenangan sesudah kesusahan!”

\* \* \*

Azab yang dilakukan oleh kaum Quraisy terhadap orang Islam bukan alang kepalang. Apabila mereka mendengar adanya angkatan Islam di Hudaibiyah mereka pun cuba

mendapatkan saudara-saudaranya. Seorang dapat melarikan diri daripada seksaan yang ganas daripada kafir Quraisy. Ia datang ke Hudaibiyah dengan rantai terikat di tangannya. Ia ialah Abu Jandal bin Suhayl bin ‘Amrū anak kepada utusan Quraisy yang melangsungkan perjanjian dengan Rasulullah itu.

Jandal, disiksa ayahnya dan dapatlah kita memikirkan betapa azabnya ia datang ke Hudaibiyah dengan mengheret rantai yang mengikatnya sejauh lebih daripada 20 kilometer itu.

Apa hendak dikata — tatkala ia sampai perjanjian telah dibuat tinggal hanya menandatangani sahaja lagi; dan pada masa itulah ia menyerahkan dirinya kepada Nabi Muhammad (S.A.W) dengan harapan semoga dapat ia berhijrah ke Madinah.

Sebelum kaum Muslimin dapat berbuat apa-apa kepada Abu Jandal, ayahnya Suhayl bin ‘Amrū telah lebih dahulu menandatangani lalu menempelengnya di hadapan kaum Muslimin dan meragut-ragut bajunya.

Belum lagi sempat Rasulullah berkata apa-apa Suhayl berkata: “Ya Muhammad! Perjanjian telah dibuat di antara saya dengan tuan sebelum budak ini datang!”

“Benar!” Sahut Rasulullah.

Ayahnya yang kasar dan kejam itu lalu menarik leher baju anaknya dan menyerahkannya kepada kaum Quraisy; sedang Abu Jandal terus berteriak dengan sekuat-kuat suara: “Kaum Muslimin! Adakah saya dikembalikan kepada kaum musyrikin yang akan menggoda agama saya?!”

Di sini dapatlah difikirkan bagaimana perasaan 1,400 orang kaum Muslimin melihat peristiwa itu di hadapan mata mereka kerana Rasulullah (S.A.W) mengatakan “Benar!” — tidak ada sesuatu apa yang hendak dikatakan lagi oleh mereka. Mereka hanya berasa kesal.

‘Umar ibn al-Khattāb, kemudian harinya mencitrakan: “Belum pernah saya berasa *waham* (syak) semenjak saya Islam melainkan hari itu.”

Adapun Rasulullah, baginda berkata kepada Abu Jandal “Bersabar! Berpegang kepada Allah, kerana Dialah yang memberi kelapangan dan jalan kelepasan kepada engkau dan lain-lainnya yang tidak berupaya kerana kami telah melangsungkan perjanjian perdamaian dengan mereka; kami dan mereka telah memberikan perjanjian kepada Allah atas yang demikian, kami tidak hendak berkhianat kepada mereka.”

Apabila Abu Jandal dibawa, ‘Umar ibn al-Khattāb melompat berjalan di dekatnya sambil berkata:

“Bersabarlah kerana mereka orang musyrikin dan darahnya darah anjing.”

Dalam masa bercakap-cakap itu Saiyidina ‘Umar mendekati pangkal pedangnya kepada Abū Jandal. Ini sebagai sindiran kerana mereka tidak boleh membuat apa-apa tetapi kalau Abū Jandal mahu ia boleh menghunusnya dan boleh memancung kepala ayahnya yang begitu kasar kepadanya. Tetapi Abū Jandal bersabar — ia percaya akan perkataan Rasulu-Allah!

\* \* \*

Dengan Perjanjian Hūdaybiyah Rasulullah tidak dapat masuk ke Mekah pada tahun itu. Kembalilah jemaah Muslimin itu ke Madinah.

Tidak lama antaranya, seorang Muslimin dapat melarikan diri dan terus ke Madinah. Namanya Abū Bashīr dan keadaan nasibnya hampir serupa dengan Abū Jandal. Ketibaannya di Madinah disusul oleh dua orang walinya, Azhar bin ‘Awf dan Akhnās bin Sharīq menuntut supaya Abū Bashīr dipulangkan kepada keluarganya. Surat oleh seorang dari Banī ‘Āmir dan seorang bekas hamba (*mawlā*).

Walaupun Abū Bashīr telah berjalan beratus-ratus kilometer jauhnya namun Rasulullah, sekalipun berkemampuan menahannya, terpaksa menyerahkannya, kerana mengingat kepada perjanjian setia yang dibuat dahulu.

Sesudah mengambil keputusan menyerahkan Abū Bashīr kepada kaumnya, Rasulullah (S.A.W) bersabda kepada

Abū Bashīr: “Sesungguhnya kami telah membuat perjanjian dengan kaum-kaum itu sebagaimana yang engkau ketahui, dan dalam agama kita; kita tidak boleh berlaku khianat (*ghadr*); Allah akan jadikan kelapangan dan kelepasan bagi engkau dan bagi orang-orang lain *mustad‘afin* (yang lemah-lemah). Sebab itu pergilah engkau kepada kaum engkau.”

“Adakah tuan akan pulangkan saya kepada orang-orang musyrikin yang akan memfitnahkan agama saya?” tanya Abū Bashīr.

Nabi menjawab dengan mengulangi perkataannya yang bermula dengan menambah: “Pergilah engkau bersama-sama dengan kedua-dua orang lelaki itu!”

Dapatlah kita menimbang bagaimana beratnya perintah itu tetapi kerana Abū Bashīr orang yang beriman dan taat kepada perintah Rasulullah (S.A.W) ia pun pergilah dengan bekal dan semangat yang diberi oleh Nabi (S.A.W): “Mudah-mudahan Allah menjanjikan kelapangan dan kelepasan bagi engkau dan lain-lain orang yang lemah.”

Abū Bashīr sedikit sebanyak mengerti apa yang tersirat di dalam sabda Nabi ini dan dengan itu berangkatlah ia bersama-sama dua orang tadi menuju Mekah dengan suatu perasaan bagaimana kelak beratnya penderitaan yang akan diderita daripada seksaan kaumnya yang musyrikin itu. Di dalam perjalanannya difikir-fikirkannya doa Rasulullah itu dan ia pun mencari-cari peluang yang baik kerananya.

Di dalam perjalanan Abū Bashīr sebagai orang tawanan — tidak bersenjata. Apabila mereka sampai di suatu tempat bernama Zulhulaifah (kira-kira 6 batu dari Madinah) berhentilah mereka di sana untuk memakan tamar.

Di dalam bercakap-cakap Abū Bashīr bertanya kepada pengawalanya: “Tajamkah pedang engkau ini hai saudara Banī ‘Āmir!”

“Bahkan!” — jawabnya dengan megahnya sambil berkata lagi: “Sudah kucubakan, sudah kucubakan!”

Sehabis berkata itu ia menghunus pedang yang tersebut dan berkata pula dengan takburnya: “Aku akan pancungkan pedang ini kepada orang-orang al-Aws dan Khazraj suatu hari sampai malam.” (maksudnya orang-orang Madinah).

Abū Bashīr buat-buat tidak mendengar apa yang dikatakannya serta berkata: “Bolehkah saya melihatnya?”

“Lihatlah kalau engkau suka!” jawabnya.

Abū Bashīr melihat-lihat pedang itu dan apabila yang punyanya lengah lalu dihunusnya dan terus dipancungkannya ke leher saudara Banī ‘Āmir sehingga penggal dan terus mati. *Mawlā* (hamba) yang seorang lagi terus lari ke Madinah kerana ketakutan dan terus menghadap Nabi (S.A.W) mengadukan halnya.

“Kasihlah engkau, mengapa engkau?” kata Rasulullah tatkala melihat ia datang berlari-lari dengan cemas itu.

<sup>1</sup> Perkataan sebenar ialah Abū.

“Sahabat tuan telah membunuh kawan saya” jawabnya.

Tidak lama Abū Bashīr datang dan berkata kepada Rasulullah: “Ya Rasulullah! Sudah sempurna dan ditunaikan Tuhan daripada tuan. Tuan serahkan saya dengan tangan tuan kepada kaum itu, dan saya telah mempertahankan agama saya daripada difitnah orang. Ini *salbnya* (harta yang diambil daripada seorang musuh yang telah diambil sesudah dibunuh — P) — dan silakan membahagi-bahagi limanya.”

“Adapun *salb* orang itu”, jawab Rasulullah “tidak ada hajat kami kepadanya kerana menerimanya mengkhianati perjanjian. Adapun engkau, jika engkau tinggal tetap di sini, engkau mesti dipulangkan semula kepada mereka jika mereka menuntut engkau, kerana aku tidak suka dilihat kaum-kaum itu tidak menyempurnakan janji yang aku janjikan kepada mereka.”

Menurut satu riwayat Rasulullah menyebut peristiwa ini “... menyalakan peperangan kalau ada kawan-kawannya.”

Perkataan ini sedikit tetapi besar ertinya.

\* \* \*

*Mawlā* itu balik ke Mekah dan menceritakan peristiwa yang terjadi kepada orang-orang Quraisy. Khabar ini menggemparkan tetapi mereka tidak dapat menyalahkan Rasulullah kerana Rasulullah sudah menyempurnakan tanggungjawabnya.

Abū Bashīr tidak ada tempat di Madinah dan supaya tidak

memalukan umat Islam, ia pun pergi membawa diri ke suatu tempat yang bernama Zil Marwah, di tepi lau, iaitu di tepi jalan yang lazim dilalui orang-orang Quraisy apabila mereka pergi atau pulang membawa perniagaan ke negeri Syam.

Entah bagaimana, perkataan Rasulullah “...menyalakan peperangan kalau ada kawan-kawannya” sudah memberi pengaruh pula sampai ke Mekah. Barangkali *mawlā* orang-orang Quraisy itu menyampaikannya. Entah bagaimana perkataan itu terdengar oleh “orang-orang yang lemah”, yang masih ada di Mekah seperti Abū Jandal dan kawan-kawannya.

Dengan kerana itu, seorang demi seorang bertambah kawan-kawan Abū Bashīr di Zil Marwah daripada pelarian-pelarian dari Mekah termasuk Abū Jandal. Diriwayatkan mereka akhirnya di sana ada seramai 300 orang.

Jemaaah Islam yang melarikan diri ini menubuhkan satu barisan yang kuat untuk menentang gerak orang-orang Quraisy yang telah menyeksa mereka. Dengan demikian, tiap-tiap kafilah yang pergi balik dari Mekah ke Syam ditahan (dirampas) mereka. Perniagaan mereka diambil dan orang-orangnya dibunuh keadaan ini semakin lama semakin hebat dan menyusahkan orang-orang Quraisy. Kalau mereka tidak berniaga bermakna mereka menderita. Mereka sudah mengadakan perdamaian selama 10 tahun dengan tujuan memulihkan perniagaan sedang perniagaan tidak pula aman perjalanannya.

Mereka akan cuba meminta bantuan kepada Nabi di Madinah tetapi bagaimana

Nabi dapat menyimpan mereka di Madinah sedang Nabi terikat dengan syarat kelima Perjanjian Hūdaybiyah. Jemaaah Abū Bashīr dan Abū Jandal sudah terang tidak mahu dipulangkan ke Mekah. Sebab itu orang-orang Quraisy terpaksa berikhtiar untuk memecahkan syarat yang kelima itu.

Kerana keadaan memaksa dengan tidak merasa malu lagi orang Quraisy meminta supaya fasal 5 perjanjian itu dibatalkan disebabkan gerakan kedua-dua sahabat itu semakin kuat.

Dengan kerana itu orang-orang musyrikin Quraisy menghantar ketuanya, Abū Sufyān untuk membatalkan perjanjian itu. Permintaan itu diterima dan Rasulullah lalu menyuruh menulis surat kepada Abū Bashīr dan Abū Jandal menyuruh supaya kedua-duanya datang ke Madinah bersama-sama sekalian kaum Muslimin dan jangan lagi mengganggu kafilah-kafilah Quraisy atau orang lain.

Tatkala surat itu sampai kepada Abū Jandal, Abū Bashīr sedang dalam sakaratul maut dan menghembuskan nafas yang akhir sedang surat Rasulullah (S.A.W) masih di dalam tangannya.

Kerana itu Abū Jandal yang melaksanakan perintah Rasulullah membawa jemaahnya ke Madinah setelah mengkebumikan sahabatnya yang setia dan mulia dan mendirikan sebuah masjid di tanah itu sebagai peringatan atas sejarahnya.

Demikianlah, kesan Perjanjian Hūdaybiyah yang tadinya dipandang oleh sebahagian sahabat-sahabat dengan perasaan tidak puas hati.